

11 JAN, 2026

INTERVENSI TANGANI LEBIHAN BEKALAN

Metro Ahad, Malaysia

AGRO

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Isu lambakan buah bermusim khususnya durian ketika ini menyebabkan harganya jatuh merudum terutama durian kampung yang kini dijual serendah RM3 sekilogram.

Pengeluaran durian yang terlalu banyak di kebun dan dijual di pasaran menyebabkan peniaga terpaksa menjual durian masing-masing pada harga rendah.

Bagi menangani isu lebihan bekalan durian dan buah-buahan bermusim yang berlaku semasa musim puncak pengeluaran ketika ini, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengambil langkah proaktif melaksanakan intervensi pemasaran.

Inisiatif menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) itu bertujuan menstabilkan pasaran, melindungi pendapatan pengeluar serta memastikan pengguna terus mendapat bekalan durian tempatan pada harga yang munasabah.

Timbalan Ketua Pengarah (Sekuriti Makanan dan Operasi) FAMA, Faisal Iswardi Ismail berkata, antara inisiatif utama yang dilakukan pihaknya adalah menganjurkan Program Jualan Agro MADANI (JAM) khusus buah-buahan bermusim dan durian yang menyediakan saluran pemasaran terancang serta berkesan kepada petani termasuk pengusaha durian.

Kata beliau, program itu dilaksanakan di seluruh negara termasuk pengedaran khas di Pasar Tan Putrajaya pada 8, 9 dan 10 Januari lalu, sebagai usaha intervensi langsung bagi menyerap lebihan bekalan di pasaran.

"Program Jualan Agro MADANI bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan kejatuhan harga durian di peringkat ladang, malah membolehkan petani dan pengusaha memasarkan hasil secara terus kepada pengguna tanpa bergantung kepada orang tengah.

"Kami turut menyediakan kemudahan logistik dan 'outlet' pemasaran untuk membantu pengusaha

INTERVENSI TANGANI LEBIHAN BEKALAN

Program JAM buah-buahan bermusim dan durian sedia saluran pemasaran terancang kepada petani



FAISAL (kiri) melihat buah-buahan yang dijual pada Program Jualan Agro MADANI di Pasar Tani Putrajaya, Presint 4.



ANTARA pengunjung yang hadir memilih buah-buahan yang dijual ketika Program Jualan Agro MADANI di Pasar Tani Putrajaya, Presint 4.

durian.

"Melalui pendekatan ini, pengguna turut berpeluang menikmati buah-buahan bermusim dan durian tempatan yang segar, berkualiti serta ditawarkan pada harga yang lebih berpatutan," katanya ketika turun padang meninjau Program JAM di Putrajaya, kelmarin.

Menurut Faisal, ketika

ini, terdapat lambakan durian kampung terutama dari Pahang dan Negeri Sembilan.

Katanya, untuk program di Putrajaya itu contohnya, FAMA menyediakan lebih 30 tan metrik buah-buahan terutama durian dengan nilai jualan mencecah RM200,000.

Dalam pada itu, bagi memperkukuh pengurusan

lebihan bekalan, FAMA turut menggerakkan Pasar Tani Kekal, Medan Gerai Buah-buahan Segar dan Medan Niaga rangkaian 285 'outlet' pemasarannya di seluruh negara.

Ia merangkumi Pasar Tani, Pasar Tani Kekal, Medan Gerai Buah-buahan Segar dan Medan Niaga.

Selain itu, FAMA mengoperasikan 42 pusat

operasi di seluruh negara bagi melaksanakan belian secara langsung khususnya durian varieti kampung.

Ia sama ada untuk jualan segar atau diproses menjadi produk nilai tambah seperti pes durian dan pulpa.

Usaha ini disokong oleh 14 Pusat Pemprosesan Buah-buahan Segar FAMA (PPBBSF) yang berfungsi sebagai pusat penstabilan

pasaran, khususnya dalam mengurus lebihan hasil semasa musim puncak.

Pendekatan pemprosesan ini bukan sahaja mengurangkan pembaziran hasil, malah membantu mengekalkan keseimbangan bekalan dan permintaan di pasaran domestik.

Ini kerana meskipun berdepan lebihan bekalan dalam negara, prestasi eksport durian Malaysia kekal kukuh, khususnya ke pasaran China.

Situasi lebihan bekalan yang berlaku adalah disebabkan sebahagian durian tidak memenuhi piawaian eksport, dan bukannya kelemahan permintaan pasaran.

Sehubungan itu, peranan FAMA penting bagi memastikan durian yang tidak dieksport tetap mempunyai saluran pemasaran yang terjamin.


Pelaksanaan intervensi pemasaran durian itu mencerminkan komitmen berterusan agensi dalam menyokong kelestarian industri durian negara.

Ia juga bagi melindungi kebajikan pengeluar serta memastikan kestabilan harga dan bekalan makanan untuk rakyat, selaras dengan agenda Keterjaminan Makanan dan Kerajaan MADANI.



Program Jualan Agro MADANI bukan sahaja membantu mengurangkan tekanan kejatuhan harga durian di peringkat ladang, malah membolehkan petani dan pengusaha memasarkan hasil secara terus kepada pengguna

FAISAL



11 JAN, 2026

INTERVENSI TANGANI LEBIHAN BEKALAN

Metro Ahad, Malaysia

SUMMARIES

Program JAM buah-buahan bermusim dan durian sedia saluran pemasaran terancang kepada petani AGRO

asmaini@mediaprima.com.my

Isu lambakan buah bermusim khususnya durian ketika ini menyebabkan harganya jatuh merudum terutama durian kampung yang kini dijual serendah RM3 sekilogram. Pengeluaran durian yang terlalu banyak di kebun dan dijual di pasaran menyebabkan peniaga terpaksa menjual durian masing-masing pada harga rendah.